

# Masyarakat matang dalam demokrasi

Masyarakat umum dapat menerima proses pengundian melalui PRU

Oleh MOHD. KHAIRUL MOHD. ALI

PILIHAN Raya Umum (PRU) yang bakal berlangsung tidak lama lagi ini merupakan kali ke-13 rakyat Malaysia melaksanakan tugas mereka dan mengundi untuk menentukan pihak mana yang bakal menjadi pemerintah dan menentukan hala tuju negara berdaulat ini.

Selepas negara mencapai kemerdekaannya pada tarikh 31 Ogos 1957, negara tidak pernah gagal dalam menjalankan proses demokrasi bagi meneruskan kesinambungan perjalanan menyaksikan pelbagai perkara terjadi sebelum, semasa dan juga selepas tempoh pengundian selesai.

Tidak kira bagaimana keadaan ekonomi negara pada tempoh tersebut, proses demokrasi tetap didukung oleh segenap lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang dan perbezaan umur mereka.

Jelas, ini menunjukkan negara yang dihuni kira-kira 28 juta penduduk ini sudah sebat dengan amalan demokrasi berperlembagaan. Pastinya, ini merupakan satu perkara positif yang seharusnya dikekalkan untuk generasi mendatang.

Perjalanan proses pengundian pada setiap kali PRU yang lalu sebenarnya mempunyai makna yang tersirat. Ini adalah suatu perkara yang seharusnya dibanggakn oleh setiap warganegara Malaysia yang mendukung proses demokrasi.

Kejayaan negara ini dalam melaksanakan proses tersebut dilihat merupakan satu nilai positif yang membuktikan bahawa demokrasi dan kebebasan memilih kerajaan adalah perkara yang diterima secara umum seluruh masyarakat tanpa mengira perbezaan mereka.

Timbalan Ketua Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Majlis Profesor Negara (MPN), Prof. Dr. Jayum Jawan menjelaskan bahawa perkara tersebut terjadi kerana masyarakat Malaysia umumnya telah mencapai tahap kematangan dalam demokrasi.

Menurutnya, terdapat dua faktor yang dapat menentukan proses demokrasi berlangsung secara aman dalam sesebuah negara dan faktor tersebut adalah ketabilan politik dan juga penerimaan umum terhadap proses terbabit.

"Sungguhpun terdapat pelbagai parti politik yang mempunyai perbezaan asas dalam perjuangan mereka, masyarakat umum dapat menerima proses pengundian yang dijalankan melalui PRU setiap kira-kira empat atau lima tahun."

"Ini menunjukkan rata-rata rakyat Malaysia mempunyai tahap kematangan



NEGARA tidak pernah gagal dalam menjalankan proses demokrasi melalui pilihan raya umum. - Gambar hiasan

Rakyat negara ini sudah mencapai tahap kematangan dalam melaksanakan proses pengundian setiap kali menjelang pilihan raya tetapi kita masih perlu berwaspada

yang tinggi dan rasa kebertanggungjawaban berhubung proses demokrasi khususnya dalam melaksanakan tugas sebagai rakyat sewaktu mengundi untuk memilih kerajaan mereka," katanya yang juga seorang pensyarah di Jabatan Pengajian, Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM).

## Cetus huru-hara

Pandangan sama terhadap kematangan masyarakat negara ini berhubung proses pilihan raya yang merupakan intipati utama sistem demokrasi turut disuarakan oleh seorang lagi penganalisis politik tanah air iaitu Prof. Datuk Dr. Zainal Kling.

Menurutnya, memang benar rakyat Malaysia sudah mencapai tahap kematangan yang boleh dibanggakan berhubung perlaksanaan PRU sepanjang

tempoh ini tetapi itu bukan bermakna kita boleh memandang remeh pada perjalanan proses tersebut.

"Umumnya rakyat negara ini sudah mencapai tahap kematangan dalam melaksanakan proses pengundian setiap kali menjelang pilihan raya tetapi kita masih perlu berwaspada.

"Ini kerana dalam situasi politik semasa, kita dapat melihat terdapat pihak yang gemar melakukan kekecohkan serta menimbulkan situasi huru-hara dalam suasana masyarakat majmuk yang harmoni kini," jelasnya.

Katanya lagi, pihak terbabit bertindak sedemikian kerana mereka tahu keupayaan sedia ada mereka waktu ini tidak akan berjaya memikat hati rakyat sekaligus membolehkan mereka menubuhkan sebuah kerajaan baharu bagi menggantikan kerajaan Barisan Nasional (BN).

"Tindakan merancang huru-hara apatah lagi apabila menjelang saat-saat akhir sebelum PRU ke-13 memang merupakan strategi mereka dalam usaha menumbangkan kerajaan sedia ada.

"Jika mereka berjaya menujuhkan kerajaan melalui cara terbabit, pastinya mereka sendiri akan muncul sebagai satu kerajaan yang melaksanakan amalan bersifat 'kuku besi' dalam pemerintahan mereka kelak," katanya yang mahu rakyat menilai dengan berhati-hati pihak manakan yang layak menerusi negara ini.

Zainal turut menyeru rakyat negara Malaysia untuk sama-sama menunaikan tanggungjawab mereka terhadap negara dan keluar untuk membuang undi apabila tiba masanya.



## Apa kata mereka

→ "Setiap mahasiswa mempunyai peranan penting dalam menentukan tumpuk pemerintahan negara.

Bagaimanapun, tugas itu perlu dimulakan dengan melaksanakan tanggungjawab mengundi pada Pilihan Raya Umum Ke-13."



- AKMAL FIRDAUS ROSLI, 23

→ "Saya sudah mengundi lebih daripada 10 kali. Walaupun umur sudah menjangkau 83 tahun, saya tetap akan turun mengundi kerana itu adalah tanggungjawab setiap rakyat"




- WONG XEE MOI, 83

→ "Sebagai rakyat amat penting untuk kita menentukan parti mana yang layak mentadbir dan memerintah negara. Justeru, pada Pilihan Raya Umum Ke13 kali ini buat pertama kalinya, saya akan tunaikan tanggungjawab sebagai pengundi bagi memastikan misi negara dapat dilaksanakan"



- MOHD ZAINAL AMER MOHD. KORI, 27

→ "Saya berharap Pilihan Raya Umum Ke-13 dapat berjalan lancar dalam suasana aman tanpa sebarang provokasi mahupun cubaan untuk mewujudkan situasi kucar-kacir. Mengundi adalah hak rakyat namun, keamanan sudah tentu menjadi keutamaan"



- MOHD. NOOR ZAIDAN MOHD. ZAIN, 26

→ "Saya sudah lima kali turun mengundi. Sudah pasti PRU kali ini saya akan turun mengundi kerana itu adalah tanggungjawab rakyat dalam menentukan tumpuk pemerintahan negara"



- YOGESWARI, 50